

Muhyiddin dicabar pemimpin Pas Johor

Utusan Online

21 April, 2013

PAGOH 20 April - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mempertahankan kerusi Parlimen Pagoh dicabar Timbalan Ketua Dewan Ulama Pas negeri, Mohd. Rozali Jamil pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini.

Muhyiddin tiba di pusat penamaan calon di Kompleks Sukan Pagoh di sini tepat pukul 9 pagi dengan diiringi isterinya, Puan Sri Noorainee Abd. Rahman serta calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Serampang, Ismail Mohamed dan Datuk Dr. Sharuddin Md. Salleh yang akan mempertahankan DUN Jorak.

Timbalan Perdana Menteri turut diiringi lebih 1,500 penyokong yang melaungkan Hidup BN serta menyanyikan lagu Inilah Barisan Kita.

Calon-calon pembangkang yang terdiri daripada Mohd. Rozali, Saadon Abdullah (PKR-Bukit Serampang) dan Norhayati Bachok (Pas-Jorak) bagaimanapun tiba lebih awal iaitu pukul 8.45 pagi dengan diiringi kira-kira 300 penyokong.

Proses pencalonan dimulakan dengan penyerahan borang pencalonan oleh Mohd. Rozali pukul 9.01 pagi diikuti Saadon dan Norhayati, masing-masing pukul 9.20 serta 9.25 pagi.

Muhyiddin menyerahkan borang pencalonannya pukul 9.30 pagi. Pencalonan beliau dicadangkan oleh Ketua Wanita UMNO Pagoh, Senator Noriah Mahat dan disokong Ketua MCA Bahagian Pagoh, Datuk Gan Hong Su.

Ismail pula menyerahkan borang pukul 9.35 pagi diiringi pencadang, Md. Rasip Sadikon dan disokong oleh Md. Noor Taib, manakala Sharuddin menyerahkan borang pencalonan pukul 9.41 pagi dengan ditemani pencadang, Muzamil Ali dan disokong oleh Poh Leong Chun.

Nama kesemua calon yang bertanding diumumkan Pengurus Pilihan Raya Parlimen Pagoh, Zulkifli Mohd. Tahir pukul 11.55 pagi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130421/px_12/Muhyiddin-dicabar-pemimpin-Pas-Johor#ixzz2ZuEZPnNH

© Utusan Melayu (M) Bhd

